



JABATAN KETUA MENTERI SARAWAK
(UNIT SUMBER MANUSIA NEGERI)
TINGKAT 9, 10 & 11 WISMA BAPA MALAYSIA
PETRA JAYA
93502 KUCHING, SARAWAK



PEKELILING PERJAWATAN NEGERI SARAWAK BILANGAN 8 TAHUN 2020

DARIPADA: Setiausaha Kerajaan Negeri, KEPADA: Semua Setiausaha Tetap
Sarawak. Semua Residen Bahagian
Semua Ketua Jabatan Negeri
Semua Ketua Badan Berkanun Negeri
Semua Setiausaha Pihak Berkuasa
Tempatan Negeri

SALINAN Pengarah Audit Negara, Cawangan
KEPADA: Sarawak
Pengarah Audit Dalam

PERKARA: PELANJUTAN TEMPOH ARAHAN BEKERJA DARI RUMAH BERIKUTAN
PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN DAN PENUTUPAN PREMIS
KERAJAAN NEGERI

RUJUKAN: 13/JKM/SHRU/TM/500-
3/5/1/2/Jld.3 (13)

TARIKH: 30 Mac 2020

Dengan segala hormat perkara di atas dan **Pekeliling Perjawatan Negeri Sarawak Bilangan 6 Tahun 2020** adalah dirujuk.

2. Selaras dengan keputusan kerajaan untuk melanjutkan Perintah Kawalan Pergerakan dari 1 April 2020 hingga 14 April 2020, Kerajaan Negeri akan melaksanakan pelanjutan tempoh arahan bekerja dari rumah kepada semua pegawai Perkhidmatan Awam Negeri Sarawak dan penutupan premis Kerajaan Negeri berkuatkuasa dari 1 April 2020 hingga 14 April 2020 **KECUALI** Jabatan Perkhidmatan Penting (*Essential Services*) yang disenaraikan di Lampiran A dalam Pekeliling Perjawatan Negeri Sarawak Bil. 6 Tahun 2020. Pengecualian hanya diberi kepada pegawai-pegawai yang menjalankan perkhidmatan penting, dengan bilangan kakitangan yang minima sahaja yang akan ditentukan oleh Ketua Jabatan atau Agensi berkenaan.

3. Saya ingin menekankan sekali lagi seperti yang dinyatakan dalam **Pekeliling Perjawatan Negeri Sarawak Bilangan 6 Tahun 2020** bahawa pegawai Perkhidmatan Awam Negeri yang tidak terlibat dalam **Perkhidmatan Penting (*Essential Services*)** hendaklah **MEMATUHI** perkara-perkara berikut:-

- (a) Sentiasa **berada di rumah** dalam tempoh waktu pejabat / bekerja yang ditetapkan oleh Kerajaan Negeri;

"Together We Drive the Workforce in the Civil Service to be World Class"



082 - 441957



082 - 445613



hrmmaklumat@sarawak.gov.my

- (b) Sentiasa **bersedia sekiranya diarah oleh Ketua Jabatan** untuk hadir ke pejabat atau mana-mana lokasi lain; dan
 - (c) Memastikan **sentiasa boleh dihubungi**.
4. Pekeliling Perjawatan ini hendaklah dibaca bersama dengan Pekeliling-Pekeliling Perjawatan berikut:-
- (a) **Pekeliling Perjawatan Negeri Sarawak Bil. 5 Tahun 2020**
(Cuti Kuarantin Khas Covid-19 Bagi Pegawai Perkhidmatan Awam Negeri Sarawak);
 - (b) **Pekeliling Perjawatan Negeri Sarawak Bil. 6 Tahun 2020**
(Arahan Bekerja Dari Rumah Berikutan Perintah Kawalan Pergerakan Dan Penutupan Premis Kerajaan Perkhidmatan Awam Negeri Sarawak)
 - (c) **Pekeliling Perjawatan Negeri Sarawak Bil. 7 Tahun 2020**
(Garis Panduan Pengendalian Isu-Isu Berhubung Penularan Jangkitan Wabak Covid-19 Di Premis Kerajaan Negeri dan Garis Panduan Menangani Kebimbangan, Stres Dan Panik Semasa Perintah Kawalan Pergerakan)
5. Tindakan tatatertib boleh diambil terhadap pegawai yang gagal mematuhi Pekeliling Perjawatan ini. Pegawai adalah tertakluk kepada Perintah-Perintah Am Perkhidmatan Awam Negeri 1996, Kaedah-Kaedah Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Negeri 1996 dan peraturan-peraturan lain yang dikeluarkan dari semasa ke semasa yang mana bersesuaian.
6. Pekeliling ini pada keseluruhannya dipanjangkan kepada semua Badan Berkanun Negeri dan Pihak Berkuasa Tempatan Negeri.

“BERSATU BERUSAHA BERBAKTI”

“AN HONOUR TO SERVE”



DATUK AMAR JAUL SAMION
Setiausaha Kerajaan Negeri
Sarawak